

25 MAR 1997

AGONG DAN MAHATHIR UTUS TAHNIAH KEPADA BANGLADESH

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutus tahniah kepada Bangladesh sempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Dalam perutusan kepada Presiden Bangladesh Shahabuddin Ahmed yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Tuanku Ja'afar melahirkan keyakinan bahawa hubungan erat dan persahabatan di antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri, dalam perutusannya kepada rakan sejawatan Sheikh Hasina Wajed, berkata beliau berharap tahun-tahun akan datang akan terus membawa kemajuan dan kemakmuran kepada Bangladesh dan rakyatnya.

"Saya yakin bahawa hubungan erat dan kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara akan berkekalkan dan diperkukuhkan," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga mengirim perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Abdus Samad Azad. -- BERNAMA

TCL AKD